

08/03/2000

## Komponen utama Sekolah Bestari

Syuhada Choo Abdullah

PADA 1996, Kementerian Pendidikan menggubal konsep Sekolah Bestari dengan memusatkan tumpuan utama terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berunsur kritis serta kreatif.

Teknologi sebagai tenaga pengupaya menjadi komponen penting dalam konsep berkenaan selaras dengan pelaksanaan projek Sekolah Bestari sebagai salah satu Aplikasi Perdana Koridor Raya Multimedia (MSC).

Sekolah Bestari adalah institusi pembelajaran yang direka semula secara menyeluruh (systemically) dari segi proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah bagi membantu pelajar menghadapi cabaran era maklumat.

Pelaksanaan projek Sekolah Bestari dengan berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara bertujuan menghasilkan tenaga kerja yang cenderung dan celik teknologi, mendemokrasikan pendidikan, meningkatkan penyertaan pihak berkepentingan, memupuk perkembangan menyeluruh individu, dan juga memberi peluang ke arah peningkatan kekuatan serta keupayaan individu.

Sebanyak 90 sekolah di seluruh negara terpilih menyertai Projek Rintis Sekolah Bestari sebelum pelaksanaannya diperluaskan ke sekolah lain pada masa depan.

Pada Julai 1997, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan tujuh Dokumen Sekolah Bestari, iaitu 'The Malaysian Smart School: A Conceptual Blueprint', 'The Malaysian Smart School Implementation Plan', 'Concept Request for Proposals for Smart School Teaching-Learning Materials', 'Concept Request for Proposals for the Smart School Assessment System', 'Concept Request for Proposals for the Smart School Management System', 'Concept Request for Proposals for Technology Infrastructure', serta 'Concept Request for Proposals for Systems Integration'.

Terdapat enam komponen utama Sekolah Bestari Malaysia, iaitu:

- \* Pengajaran-Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan teras atau 'jantung' Sekolah Bestari.

Proses berkaitan kurikulum, pedagogi, pentaksiran dan bahan pengajaran-pembelajaran direka semula untuk membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan serta cekap.

Sekolah Bestari akan mendorong pelajar untuk mengamalkan akses dan terarah sendiri serta mengikut kadar pembelajaran sendiri.

- \* Pengurusan dan Pentadbiran

Pengurusan dan pentadbiran yang merupakan penggerak atau 'otak' Sekolah Bestari, akan dikomputerkan.

Perisian pengurusan membantu pengurus sekolah mengurus sumber dan proses yang diperlukan untuk menyokong fungsi pengajaran dan pembelajaran, secara cekap serta berkesan.

- \* Sumber Manusia, Kemahiran dan Tanggungjawab

Ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sebagai pihak yang berkepentingan akan memainkan peranan lebih aktif dalam menjayakan prestasi Sekolah Bestari.

Semua pihak berkenaan akan sentiasa terbabit dalam proses peningkatan profesionalisme atau keilmuan seperti yang berkaitan dengan pengurusan sekolah dan juga pengajaran dan pembelajaran.

- \* Proses

Proses Sekolah Bestari dianggap sebagai suatu sistem. Ia dikaji secara

teliti serta disemak untuk memastikan sistem itu dibekalkan dengan input yang tepat dan berfungsi menghasilkan output dikehendaki.

\* Teknologi

Teknologi digunakan sebagai pengupaya kepada amalan Sekolah Bestari seperti proses pengajaran dan pembelajaran, pengurusan serta perhubungan dengan pihak luar.

\* Dasar

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan Sekolah Bestari, dasar dan peraturan sedia ada perlu diubah. Ada kemungkinan besar, dasar serta peraturan yang baru juga perlu digubal.

Mulai minggu depan ruangan ini akan menyiarkan rencana mengenai sekolah yang terbabit dengan projek ini serta sekolah lain yang berusaha memperkenalkan konsep Sekolah Bestari.

(END)